



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

BAGI

**PERSIDANGAN PEMERKASAAN RUMAH IBADAT HINDU
SEBAGAI PUSAT KOMUNITI TAHUN 2024**

**30 NOVEMBER 2024 (SABTU)
STARLIGHT BANQUET HALL
PETALING JAYA, SELANGOR**

SALUTASI SECARA BERASINGAN

Selamat Sejahtera, Vanakam, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjangkan kesyukuran kepada Tuhan yang Maha Esa kerana atas restunya, kita dapat berkumpul di sini dalam program Persidangan Pemerkasaan Rumah Ibadat Hindu sebagai Pusat Komuniti bagi tahun 2024.
2. Untuk makluman para hadirin sekalian, persidangan seumpama ini merupakan program yang julung kalinya diadakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Malaysia Hindu Sangam (MHS).
3. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Menteri saya iaitu YB Datuk Aaron Ago Dagang kerana memberikan sokongan penuh dan restu beliau untuk penganjuran persidangan ini. Tanpa beliau, persidangan ini tidak dapat menjadi kenyataan.
4. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua Ketua-Ketua kuil serta wakil-wakil yang sudi meluangkan masa dan hadir di Starlight Bangkuet Hall ini bagi merangka gerak kerja rumah ibadat kita. Saya percaya komitmen tinggi kalian semua akan mampu merealisasikan matlamat kita.
5. Tidak dilupakan juga kepada sekretariat kita pada hari ini yang telah bertungkus lumus membuat segala persiapan untuk memastikan

penganjuran Persidangan hari ini dapat dijalankan dengan jayanya. Semoga kita bersama-sama dapat memanfaatkan sebaiknya program kita pada hari ini.

6. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada panel penceramah kita pada hari ini iaitu YBhg. Prof. Datuk Dr. N.S. Rajendran, Encik Ganesh Babu Rao, Encik S. Vinayagamurthi, Yang Berusaha Dr. Balatharmalingam dan Encik Rajo Kuppan yang telah bersetuju untuk bersama-sama kita menjayakan persidangan ini. Saya berharap agar maklumat yang akan dikongsikan oleh para panel kita nanti akan berfaedah dan menjadi satu panduan yang baik kepada kita semua.
7. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua ketua dan wakil kuil di atas sumbangan tenaga yang telah dicurahkan sepanjang tahun 2023. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, kita telah berjaya melaksanakan peranan dengan cemerlang.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

8. Walau bagaimanapun, saya sentiasa percara rumah ibadat seperti Kuil Hindu boleh memainkan peranan yang lebih penting dalam membina perpaduan komuniti di negara ini. Dalam hal ini, Malaysia Hindu Sangam dan kuil Hindu perlu memainkan peranan sebagai platform penting untuk membantu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kita untuk membantu masyarakat setempat. Dalam memupuk persefahaman ini, kita boleh membina kepercayaan yang

lebih besar dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan sosial, keharmonian, dan kebajikan masyarakat.

9. Sebagaimana para hadirin sedia maklum, rumah ibadat merupakan satu tempat yang sangat bermakna kepada masyarakat Hindu. Pada masa dahulu, kuil bukan sahaja berfungsi sebagai tempat beribadat tetapi juga sebagai pusat perkhidmatan komuniti setempat.
10. Pelbagai kelas seperti Thevaram, Bharathanattem, Keagamaan dan sebagainya. Pada masa yang sama, pelbagai bantuan kemanusiaan dan kebajikan juga diberikan oleh pihak kuil dalam mengurangkan beban rakyat. Pemerintah juga memberikan perhatian yang khusus kepada pihak kuil dan memastikan mereka menjalankan tanggungjawab yang telah diberikan dengan penuh integriti dan telus.
11. Matlamat utama persidangan kita pada hari ini adalah untuk mentransformasikan rumah-rumah ibadat seperti sedia kala iaitu menjadi pusat komuniti setempat. Pihak kuil perlu memberikan perhatian kepada keperluan-keperluan penting masyarakat setempat seperti pendidikan anak-anak, kesihatan, keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, dan lain-lain perkara yang boleh menjadi penghalang kepada kehidupan seharian mereka.
12. Kuil sentiasa menjadi tempat mencari ketenangan dan meningkatkan kerohanian setiap orang. Walaupun hidup dalam serba kekurangan, setiap masyarakat Hindu akan pergi ke kuil untuk menunaikan kewajipan mereka. Oleh itu, pihak kuil juga perlu

membantu komuniti yang kurang berkemampuan supaya beban mereka dapat dikurangkan dan ini sekaligus akan memberikan kepercayaan kepada mereka bahawa masyarakat di sekeliling sentiasa berada bersama mereka untuk memberikan bantuan dan dorongan apabila diperlukan.

13. Bagi tahun 2025 ini, tema yang akan Kementerian Perpaduan Negara angkat adalah “Harmoni dalam Kepelbagaian”. Tema ini mencerminkan komitmen kita untuk memperkukuh keharmonian nasional dengan menghargai kepelbagaian budaya, agama, dan etnik yang wujud dalam negara kita.
14. Dalam mencapai matlamat keharmonian nasional, kita harus berpaksikan kepada nilai bersama seperti toleransi, saling menghormati, dan empati. Setiap lapisan masyarakat, sama ada golongan muda, dewasa, mahupun warga emas, mempunyai peranan penting dalam usaha ini. Kita harus sentiasa berusaha memupuk **semangat kesepaduan** dengan menerima dan menghargai **perbezaan** yang ada.
15. Akhir sekali dengan sukacitanya, saya dengan ini merasmikan Persidangan Pemerkasaan Rumah Ibadat Sebagai Pusat Komuniti bagi tahun 2024. Saya berharap agar semua ahli panel dan perwakilan akan memperolehi perbincangan yang bermanfaat dan pengalaman yang memperkaya.

Sekian, terima kasih.